



اوتوور تكنولوجي مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

GARIS PANDUAN MENJALANKAN AKTIVITI PELAJAR

(UNTUK PERSATUAN/KELAB PELAJAR)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

KAMPUS JASIN

BIL. 1/2017

Pindaan 1 : 15 Mac 2018

Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Pelajar UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin (KJM) Bil. 1/2016 yang dikeluarkan berdasarkan keputusan Mesyuarat Tabung Amanah Pelajar dibuat bagi tujuan melancarkan lagi pelaksanaan aktiviti kelab dan persatuan di kampus ini. Garis panduan ini adalah penambahbaikan berterusan yang akan diamalkan dari semasa ke semasa. Sebarang pindaan yang terdapat/penambahan/pembatalan dalam garis panduan ini akan dibawa Mesyuarat melalui Jawatankuasa Tabung Amanah Pelajar peringkat UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Garis panduan ini tidak membatalkan apa-apa peraturan yang terkandung di dalam Manual Aktiviti Pelajar UiTM Shah Alam.

Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Pelajar UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin (KJM) Bil. 1/2016 ini telah ditambah baik bagi tujuan pelaksanaan program yang lebih tersusun dan berkesan serta memberikan impak yang tinggi kepada pelajar dan universiti amnya. Namun ada setengah daripadanya yang masih dikekalkan dengan melihat ianya masih boleh digunapakai.

Diantara garis panduannya adalah:-

- 1) Borang yang telah lengkap, dimajukan kepada HEP sebelum cuti semester bermula pada setiap semester.
- 2) Program/Aktiviti yang dijalankan mestilah memberi impak dan mencapai *Return on Investment (ROI)* dari segi :
 - i. Saiz dan skala program
 - ii. Tahap pencapaian
 - iii. Penjanaan
 - iv. Bilangan penyertaan
 - v. Liputan media/promosi
- 3) Diwajibkan untuk menggabung 1 aktiviti selain 2 aktiviti anjuran sendiri untuk menggalakkan pelajar yang *multiskill set* dan *multi discipline*.
- 4) Menganjurkan 'New Breed' Program iaitu program pelajar dan program latihan pelajar.
- 5) Penganjuran program CSR mestilah untuk jangka masa panjang, sekurang-kurangnya untuk tempoh setahun.

- 6) Melibatkan lebih banyak penyertaan daripada Industri dan Alumni (*Strategic Long-term Partnership & Bring the industry into the campus*)
- 7) Setiap program/aktiviti perlu ada *Financial Statement* yang meliputi perincian perbelanjaan, perbelanjaan sumbangan/ geran yang diperolehi, untung/rugi dan *Return on Investment (ROI)* kepada penganjur dan penyumbang.
- 8) Penetapan lokasi untuk aktiviti pelajar:
 - i) Pusat Islam = aktiviti yang lebih berbentuk islamik, jika berbentuk keusahawanan dan lain-lain perlulah :
 - Menghormati waktu solat dan kawasan masjid serta tidak terlalu bising
 - Waktu azan aktiviti perlulah diberhentikan
 - ii) Kawasan Kolej/Blok Kuliah/Kawasan Parkir/Padang = aktiviti yang lebih sukan dan *explorace*
 - Penganjur perlu hormati waktu solat.
 - iii) Kawasan Kolej/Blok Kuliah/Kawasan Parkir= aktiviti yang lebih bersifat keusahawanan am/mega
 - Penganjur perlu hormati waktu solat.
 - iv) Dewan/Bilik Seminar/Pusat Pelajar = aktiviti berbentuk teater/kebudayaan sahaja/Bengkel/Taklimat
 - Aktiviti berbentuk keusahawanan tidak dibenarkan.
 - Penganjur perlu hormati waktu solat.
- 9) Penggerai luar bagi aktiviti keusahawanan adalah tidak dibenarkan dan digalakkan agar pelajar sendiri yang berniaga atau terdiri daripada ALUMNI UiTM.
- 10) Bagi aktiviti pelajar yang dijalankan di luar kawasan Melaka, jarak perjalanan adalah tidak melebihi daripada tempoh 3 jam. Jika lebih daripada waktu yang dibenarkan, penganjur perlu mendapatkan kelulusan daripada Mesyuarat Tabung Amanah Pelajar.
- 11) Sewaan bas luar adalah diuruskan oleh Unit kenderaan. Penganjur perlu mohon peruntukan dalam Kertas Kerja/Borang C berserta justifikasi yang sewajarnya dan bajet adalah dari Tabung Kenderaan. Sekiranya memerlukan bas lebih dari 1 buah untuk aktiviti luar sewa bas adalah tanggungjawab persatuan sendiri. 1 Persatuan hanya 1 aktiviti luar sahaja. Di dalam Melaka boleh melebihi 1 bas, luar Melaka hanya 1 bas UiTM sahaja. Tidak digalakkan menyewa bas.

- 12) Jamuan makan malam dan AGM Fakulti/Persatuan/Kolej Kediaman :
- i. Dianjurkan di dalam kampus sahaja dengan kelulusan tanpa bajet
 - ii. Dibenarkan di luar dengan kelulusan tanpa bajet termasuk kenderaan dengan syarat dipersetujui semua ahli untuk biaya sendiri
- 13) Bagi jemputan artis, hanya program berimpak besar (peringkat universiti) sahaja adalah digalakkan dan perlu mendapatkan kelulusan Rektor terlebih dahulu sebelum diserahkan ke HEP untuk semakan dan kelulusan program. Bagi jemputan artis, hanya program berimpak peruntukan RM1,000.00 sahaja selebihnya adalah tanggungan persatuan .
- 14) Peruntukan sebanyak RM200/seorang (maksimum) atau maksimum RM6,000 (mengikut yang mana lebih rendah) untuk program ke luar negara.
- 15) Permohonan ke luar negara bagi pengiring/staf perlu dilakukan sendiri melalui proses Permohonan Ke Luar Negara di Pejabat Pentadbiran.
- 16) Sebarang kutipan sumbangan dalaman daripada ahli perlu direkodkan dan ditandatangani oleh semua penyumbang.
- 17) Satu salinan aktiviti yang telah diluluskan atau sebarang pertukaran tarikh & tempat perlu diisi di dalam sistem Pengurusan Aktiviti Kampus (eSPAK) Polis Bantuan.
- 18) Penceramah yang dijemput bagi aktiviti/program pelajar perlu mendapatkan SEMAKAN DAN PENGESAHAN DARIPADA ACIS (BERBENTUK ISLAMIK) DAN TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL PELAJAR/PENOLONG REKTOR UiTM KAMPUS JASIN (MOTIVASI, KEUSAHAWANAN, DAN LAIN-LAIN) dan dimajukan ke HEP untuk proses semakan dan kelulusan
- 19) Sebarang pertukaran penceramah/VIP jemputan perlulah dimaklumkan kepada pihak HEP terlebih dahulu untuk kelulusan dengan mengisi Borang Perubahan Maklumat Aktiviti dengan lengkap bersama tentatif baru, biodata penceramah dan senarai VIP.
- 20) Cenderahati kepada Rektor dan Timbalan Rektor adalah tidak digalakkan mengikut pekeliling Rektor dan kelulusan adalah mengikut kesesuaian majlis.

- 21) Peruntukan bajet makan bagi program yang dijalankan kurang tempoh 4jam adalah sejumlah RM3.00 atau RM4.00 bergantung kepada semakan dan kelulusan berdasarkan aktiviti yang dijalankan dan hanyalah untuk urusetia dan AJK yang terlibat. Peruntukan bajet makan adalah maximum RM7.00 sahaja (Mesyuarat Kump. Wang Perkhidmatan Pelajar Bil.1/2017)
- 22) Aktiviti yang dianjurkan oleh Fakulti/Persatuan yang berbentuk pakej adalah wajib bagi pelajar yang terlibat dan jika tidak hadir akan dikenakan surcaj mengikut harga pakej sebenar.
- 23) Pemilihan lokasi bagi aktiviti seperti *teambuilding* dan lain-lain perlulah mengambilkira RISIKO KESELAMATAN terutamanya yang melibatkan aktiviti air, laut, gunung dan hutan. Kelulusan aktiviti perlu melalui mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Pelajar. Permohonan perlu memenuhi dokumen yang diperlukan (e.g insurans, surat kebenaran penjaga) bagi tujuan keselamatan.
- 24) Seorang pensyarah hanya boleh maksimum menjadi dua (2) penasihat kepada mana-mana Kelab/Persatuan di UiTM Melaka.
- 25) Aktiviti/Program yang melibatkan pakej makan dan penginapan peserta perlu sertakan dengan sebut harga bersama Borang C semasa penyerahan di pejabat HEP.
- 26) Aktiviti/Program yang menjalin hubungan kerjasama dengan AGENSI LUAR amat DIGALAKKAN (contoh: aktiviti suka dengan kementerian Belia dan Sukan, Festival Makanan ASEAN dengan Kementerian Pelancongan dan lain-lain).
- 27) Sebarang aktiviti yang dihantar selepas semester bermula akan diluluskan tanpa bajet atau hanya RM500.00 sahaja diluluskan bergantung kepada kelulusan PENOLONG REKTOR UiTM CAW. MELAKA KAMPUS JASIN kecuali program Universiti.
- 28) Bagi aktiviti/program ke luar negara perlu membuat proses semakan dan seterusnya kelulusan Rektor sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum dijalankan bagi urusan kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri dan pemakluman kepada kedutaan Malaysia yang terlibat.

29) Cadangan untuk mengadakan KARNIVAL KOLEJ selam tempoh masa SEMINGGU di mana semua aktiviti kolej dirangkum dan dijalankan waktu tersebut.

30) Cadangan agar semua penasihat mengawal selia perjalanan kewangan (wang keluar masuk persatuan) agar tidak terlebih belanja/kurang belanja dan dapat membuat anggaran kewangan persatuan.

a) Tabung TKP = RM4,000.00 setiap Kelab/Persatuan

b) Tabung TAPA = RM4,000.00 setiap Kelab/Persatuan dibawah Fakulti

c) Tabung KOLEJ = RM18.00/pelajar X jumlah kapasiti pelajar bagi setiap kolej

Peruntukan BARU bagi sesi Mac - Julai 2018:

31) Semua Kelab/Persatuan wajib menjalankan aktiviti/program mengikut objektif persatuan. Program kemasyarakatan boleh dijalankan oleh Kelab/Persatuan lain dengan kelulusan Ahli Jawatankuasa Tabung.

32) Mulai semester hadapan, bagi Aktiviti/Program Anjuran Kolej/JPNR menetapkan 5 program wajib perlu dijalankan termasuk 1 aktiviti luar MANAKALA anjuran Kelab/Persatuan 1 aktiviti luar 2 aktiviti dalam. Di dalam Melaka boleh melebihi 1 bas, luar Melaka hanya 1 bas UiTM sahaja. Tidak digalakkan menyewa bas.

33) Aktiviti yang mempunyai RISIKO KESELAMATAN (Contoh: Aktiviti melibatkan air/gunung) perlu mendapat kelulusan Rektor/Jawatankuasa Tabung Amanah terlebih dahulu. Permohonan bagi aktiviti melibatkan pendakian perlu disertakan dengan pembelian insurans pelajar dan juga kebenaran ibu bapa/penjaga.

34) Sewa Rumah Tamu/P.A Sistem/Pembelian Beg Cenderahati hendaklah dimasukkan ke dalam Borang C dan kertas kerja jika ada penggunaan.

35) Semua program berbentuk usahawan akan digabungkan dalam satu program "**Hari Usahawan Siswa**" yang akan diadakan selama 3 hari setiap semester .

36) Tarikh permulaan aktiviti adalah pada minggu ke tiga setiap semester kecuali MPP dan Kolej.

37)Hadiah pemenang bernilai RM1,000.00 ke atas dan menggunakan Tabung Amanah Pelajar untuk program tersebut, maka 20% daripadanya akan dimasukkan ke dalam Tabung Hasil UiTM Kampus Jasin.

Merujuk kepada Keputusan Mesyuarat Kump. Wang Pengurusan Perkhidmatan Pelajar Bil2/2017 pada 22 Februari 2017:

